



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK,  
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,  
JALAN SIMPANG TIGA,  
93592 KUCHING.

Telefon : 082-421333 (Pejabat Am)  
Fax : 082-424489  
E-mel : pms@pmswk.gov.my

---

Rujukan : PKP(8.00)96/3-7 JD.3(26)

Tarikh : 11 Disember 2009

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
Sarawak.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan,  
Sarawak

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK  
BILANGAN 4 TAHUN 2009 – TATACARA PEROLEHAN BAGI  
PEMBEKALAN BAHAN API DIESEL SECARA PUKAL**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) ini adalah bertujuan untuk memberi peringatan dan menerangkan kepada semua tersebut di atas tentang tatacara perolehan bagi pembekalan bahan api diesel secara pukal yang betul.

**2. LATAR BELAKANG**

Adalah diperhatikan bahawa kebanyakan Agensi Persekutuan di Sarawak yang membuat perolehan bagi bahan api diesel secara pukal tidak mengikut tatacara perolehan yang berkuatkasa. Kebanyakan Agensi Persekutuan di Sarawak menggunakan pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2005 sebagai garis panduan untuk membuat perolehan pembekalan bahan bakar diesel secara pukal. Surat pekeling tersebut yang membenarkan perolehan bahan bakar diesel / diesel bersubsidi secara pukal dibuat secara rundingan terus dengan syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang bahan bakar 110100 dan bertaraf bumiputera hanya boleh digunapakai di Semenanjung Malaysia sahaja.

### **3. TATACARA PEROLEHAN SEMASA**

Agensi Persekutuan di Sarawak adalah diingatkan supaya mematuhi tatacara perolehan semasa dalam membuat perolehan pembekalan bahan bakar diesel secara pukal. Bagi pembekalan bahan bakar diesel secara pukal yang tidak melebihi RM50,000.00 setahun pembelian terus boleh dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 173.1.

Bagi perolehan pembekalan bahan bakar diesel secara pukal yang bernilai RM50,000.00 hingga RM500,000.00 setahun, jabatan pengguna perlulah melaksanakan perolehan tersebut secara sebutharga dan tatacara perolehan sebutharga boleh dirujuk pada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009.

Bagi perolehan pembekalan bahan bakar diesel secara pukal yang bernilai melebihi RM500,000.00 setahun pula, perolehan secara tender perlu dilaksanakan. Jabatan pengguna boleh merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 bagi tatacara perolehan secara tender.

### **4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk membuat perancangan perolehan sepanjang tahun untuk memastikan perolehan bagi setiap item tidak melebihi nilai pembelian terus yang dibenarkan. Sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran ke atas tatacara perolehan dan prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa perlulah mendapat kebenaran daripada pihak Perbendaharaan terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

**“SENTIASA MESRA TELITI DAN CEPAT”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(MAT OMAR BIN JOHARI)**

Pegawai Kewangan Persekutuan  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak